Dana BNM untuk PKS
Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA
Soalan Lazim

Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing (PTF) Facility)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	**Apakah Kemudahan PTF?**	• Kemudahan PTF diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membantu sektor pelancongan semasa kemuncak pandemik COVID-19. • Pada tahun 2025, berikutan pemulihan yang berterusan dalam aktiviti pelancongan, BNM telah mengubah hala Kemudahan PTF kepada kemudahan bukan bantuan dan telah menambah baik ciri kemudahan yang terpilih. Langkah ini bertujuan untuk menjadikan Kemudahan PTF lebih mudah diakses oleh semua PKS dalam sektor pelancongan, membolehkan PKS yang layak memanfaatkan pembiayaan pada kadar berpatutan untuk melaksanakan pelaburan, mengembangkan perniagaan dan menambah tawaran produk pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. • Di bawah penambahbaikan ini, semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM500,000, pada kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun (untuk pembiayaan yang diluluskan sebelum 31 Disember 2025) dan tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun.
2.	**Siapakah yang**	• PKS Malaysia[1,2] dalam sebarang sektor atau aktiviti

[1] Sekurang-kurangnya 51% saham dimiliki oleh rakyat Malaysia.
[2] PKS dalam dokumen ini merujuk kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Bagi Definisi PKS yang diterbitkan oleh SME Corporation Malaysia, yang boleh dilayari di: https://smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition

	layak memohon Kemudahan PTF?	berkaitan pelancongan, dan/atau PKS yang dilesenkan oleh/berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) layak memohon Kemudahan PTF. • Sektor atau aktiviti pelancongan yang layak termasuk tetapi tidak terhad kepada sektor atau aktiviti yang tersenarai dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030[3]: (i) Ekopelancongan; (ii) Pelancongan pengembaraan; (iii) Pelancongan belia; (iv) Pelancongan sukan; (v) Pelancongan budaya dan warisan; (vi) Pelancongan berasaskan komuniti; (vii) Pelancongan pulau; (viii) Pelancongan pantai; (ix) Pelancongan bandar; (x) Pelancongan membeli-belah; (xi) Pelancongan perubatan dan kesihatan; (xii) Pelancongan ekosistem mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (*Meeting, incentives, conventions and exhibitions,* MICE); (xiii) Pelancongan rentas sempadan; (xiv) Pelancongan desa/agro; (xv) Pelancongan kapal persiaran; (xvi) Pelancongan minat khas; dan

[3] Seperti yang diterbitkan oleh MOTAC, yang boleh dilayari di: https://www.motac.gov.my/arkib/2020/national-tourism-policy-2020-2030

		(xvii) Pelancongan mesra Muslim. • Sektor pelancongan atau aktiviti yang disebut di atas hanya terpakai sebagai rujukan yang tidak menyeluruh dan adalah tepat setakat tarikh penerbitan. Sila rujuk dokumen Dasar Pelancongan Nasional yang diterbitkan oleh MOTAC untuk maklumat terkini.
3.	**Bagaimanakah PKS atau perusahaan mikro boleh memastikan bahawa mereka layak untuk memohon Kemudahan PTF?**	• PKS dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta (IKP) untuk memastikan kelayakan mereka di bawah Kemudahan PTF. Semua permohonan pembiayaan akan tertakluk pada penilaian IKP.
4.	**Perniagaan saya sekarang tidak berkaitan dengan pelancongan, tetapi saya ingin mengembangkan perniagaan ke dalam bidang pelancongan. Bolehkah perniagaan saya memperoleh pembiayaan PTF?**	• Secara amnya, pembiayaan di bawah Kemudahan PTF disediakan untuk PKS selagi ia terarah kepada pengembangan atau pelaburan dalam aktiviti pelancongan. Contohnya, perniagaan pertanian boleh memohon pembiayaan di bawah Kemudahan PTF untuk menceburi bidang pelancongan agro (cth. membina dan mengendalikan inap desa (*homestay)* atau penginapan berlesen atau menawarkan aktiviti rekreasi di dalam premis kebun atau ladang). • Namun begitu, semua permohonan akan tertakluk pada penilaian kredit oleh IKP, yang melibatkan penilaian rekod dan prospek perniagaan, serta keupayaan pembayaran balik PKS.
5.	**Apakah ciri-ciri dan kriteria**	• Sekurang-kurangnya, PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan pada kadar pembiayaan konsesi tidak lebih

	Kemudahan PTF?	daripada 3.5% setahun (termasuk fi jaminan), jika diluluskan sebelum atau pada 31 Disember 2025. • Selain daripada ciri minimum tersebut, IKP yang berlainan mungkin menawarkan Kemudahan PTF dengan beberapa ciri yang berbeza, yang disesuaikan untuk memenuhi pelbagai keperluan PKS. PKS digalakkan untuk menilai dan memilih pembiayaan yang paling memenuhi keperluan khusus mereka.
6.	**Untuk pembiayaan di bawah Kemudahan PTF, apakah kadar pembiayaan bagi PKS?**	• Untuk pembiayaan yang diluluskan pada atau sebelum 31 Disember 2025, kadar pembiayaan adalah sehingga 3.5% setahun, termasuk yuran jaminan. • Jika dana di bawah Kemudahan PTF masih tersedia selepas 31 Disember 2025, Bank Negara Malaysia (BNM) akan menilai dan menentukan kadar pembiayaan yang sesuai berdasarkan keadaan pasaran semasa dan akan memaklumkan sebarang perubahan pada masa itu.
7.	**Apakah jumlah pembiayaan maksimum yang dibenarkan di bawah Kemudahan PTF?**	• Setiap PKS boleh memohon pembiayaan sehingga RM500,000 di bawah Kemudahan PTF. • Tambahan pula, setiap PKS dan PKS dengan pemegang saham yang sama tertakluk pada jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM5 juta di bawah Dana BNM, kecuali jika PKS yang berkaitan mempunyai tenaga kerja yang berbeza. Sebagai penjelasan lanjut, ini bermaksud bahawa sebuah PKS atau kumpulan PKS yang berkaitan hanya dibenarkan pembiayaan maksimum sebanyak RM5 juta secara terkumpul di bawah Kemudahan PTF, Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES), Kemudahan Agromakanan (AF), dan Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF).

8.	**Apakah tujuan pembiayaan yang dibenarkan?**	• PKS boleh mendapatkan pembiayaan di bawah Kemudahan PTF untuk modal kerja dan perbelanjaan modal, tertakluk kepada penilaian kredit oleh IKP. • Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut: (i) Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada; (ii) Pembelian saham; (iii) Pembelian tanah/hartanah untuk pelaburan (iaitu, bukan untuk kegunaan perniagaan atau menjana pendapatan dari aktiviti pelancongan); (iv) Pembangunan hartanah (iaitu, merancang, membina dan mengurus hartanah dengan tujuan menjual atau menyewa hartanah yang dibangunkan); (v) Pelaburan oleh syarikat pegangan pelaburan; (vi) Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk kredit, penyewaan, pemfaktoran dan perniagaan insurans); (vii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk lain yang sama; dan (viii) Aktiviti yang tidak mematuhi Syariah (terguna pakai untuk pembiayaan Islam sahaja).
9.	**Perlukah PKS atau perusahaan mikro menjanjikan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di**	• IKP tidak akan mengenakan syarat cagaran kepada PKS untuk pembiayaan yang ditawarkan di bawah Kemudahan PTF. • Walau bagaimanapun, cagaran mungkin diperlukan di bawah Kemudahan PTF bagi tujuan jaminan pembiayaan yang diberikan oleh Credit Guarantee Corporation

	bawah Kemudahan PTF?	Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), mengikut syarat dan ketentuan oleh institusi berkenaan.
10.	**Bilakah Kemudahan PTF akan tersedia?**	• Kemudahan ini akan tersedia sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya (atau tertakluk kepada keputusan lanjut oleh BNM).

Bank Negara Malaysia

Dikemaskini pada 29 Mei 2025